



أمانت خاص

MENTERI BESAR

SEMPENA

31 TAHUN

PENTADBIRAN

MEMBANGUN

BERSAMA ISLAM

21 RABIUL AWAL 1443

28 OKTOBER 2021

DEWAN TERATAI
KOMPLEKS KOTA DARULNAIM

مرعیت مباغن برسام اسلام

KEBERKATAN ▲ KEMAKMURAN ▲ KEBAJIKAN





“Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ayub, ketika dia berdoa merayu kepada Tuhanya dengan berkata: “Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, sedang Engkaulah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala (yang lain) yang mengasihani”.

“Maka Kami perkenankan doa permohonannya, lalu Kami hapuskan penyakit yang menimpanya, serta Kami kurniakan kepadanya: keluarganya, dengan seganda lagi ramainya, sebagai satu rahmat dari Kami dan sebagai satu peringatan bagi orang-orang yang taat kepada Kami (supaya bersabar dan mendapat balasan baik).”

Al - Anbiya': 83-84



TERIMA KASIH & PENGHARGAAN

kepada semua penjawat awam
Kelantan samada negeri dan
persekutuan yang memberikan
komitmen tinggi menghadiri majlis
yang penuh bermakna ini.




DASAR MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

bermatlamat untuk melahirkan sebuah masyarakat
dan pentadbirannya yang terlaksana di dalamnya

Nilai-nilai Islam dan
hukum-hukumnya,

Menegakkan keadilan tanpa meminggirkan
di segenap bidang termasuk ekonomi,
sosial, pendidikan

Menyuburkan perpaduan kearah
Negeri Kelantan maju dan sejahtera
menuju keredaan Allah.



**Sepanjang fasa Merakyat Membangun Bersama Islam,
Kerajaan Negeri telah berjaya menghasilkan dan
melaksanakan dasar-dasar berikut:**

**Dasar Pendidikan Rabbani
Negeri Kelantan**

**Dasar Hubungan Antara
Kaum Negeri Kelantan**

Dasar Anak Muda Kelantan

**Dasar Berkebajikan Dan
Kesejahteraan Rakyat Negeri**

**Dasar Kanak-Kanak Fitrah
Bahagian Pertama**

Gagasan OKU Muqarrabun

**Gagasan Wanita Kelantan
(Solehah)**

Dasar Bertani Satu Ibadah

**Dasar Rumah Mampu Milik
Kelantan**

**Dasar Penempatan
Mesra Keluarga**



Kerajaan Negeri ketika ini dalam usaha menjayakan penggubalan-penggubalan dasar – dasar berikut:



Dasar Warga Emas
Al-Mukarramun Kelantan

Semakan Dasar Wanita
Kelantan (Semakan 2020)



Dasar Pelaburan Negeri
Kelantan

Dasar Al-Qawwamah

Dasar Kebersihan
Negeri Kelantan



أَنِّي مَسْنِي الضرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ

"Sesungguhnya aku ditimpa penyakit sedangkan Engkaulah yang paling mengasihani dari segala yang lain yang mengasihani."





Kita perlu bersiap sedia untuk kembali bangkit menuju **pemulihan** dengan **perancangan rapi** dan berstrategik melalui pembabitan kolektif kerajaan menerusi penglibatan jabatan, agensi negeri dan persekutuan serta pihak swasta dengan penyertaan dan sokongan padu seluruh rakyat






قُلْ إِنَّ صَلَاةِ وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

"Katakanlah (Muhammad), sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku, dan matiku hanyalah untuk Allah, tuhan seluruh alam,"

[Surah al-An'am: 162]

KEBERKATAN

Pemberdayaan Modal Insan Dalam Mengharungi Pandemik



Majlis Sosial Negara yang akan berfungsi dengan lebih agresif dan bersepada bagi menggembelingkan Jabatan Negeri dan Persekutuan dalam menangani gejala sosial di negeri ini.



KEBERKATAN

Pemberdayaan Modal Insan Dalam Mengharungi Pandemik

Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif melalui Program Bersepadu Menangani Gejala Sosial di Negeri Kelantan yang telah diluluskan dengan peruntukan sebanyak

RM2.0 juta



KEMAKMURAN

Merakyatkan Ekonomi Pembangunan Yang Mampan



PERTUMBUHAN KDNK 2016-2020

RMK11



Kelantan serta lapan negeri, iaitu Selangor, Pulau Pinang, Perak, Kedah, Johor Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatat pertumbuhan ekonomi melebihi purata nasional sebanyak 2.7% setahun.

Nota: Berdasarkan KDNK pada harga malar 2015.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancangan Ekonomi.

Kepesatan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan mencatatkan peningkatan KDNK yang memberangsangkan sepanjang **5 tahun daripada 2016-2020** yang telah melepassi pertumbuhan nasional meskipun dalam suasana pandemik COVID-19 yang sedang melanda negara pada ketika ini.



KEMAKMURAN

Merakyatkan Ekonomi Pembangunan Yang Mampan



Kebersamaan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah memberi fokus utama dalam pelaksanaan projek-projek keutamaan dalam RMK ke-12 bagi pembinaan dan penaikan taraf rangkaian infrastruktur perhubungan dan utiliti untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi.



KEMAKMURAN

Merakyatkan Ekonomi Pembangunan Yang Mampan



Kelantan perlu muncul sebagai destinasi pelancongan yang berpandukan prinsip patuh syariah serta kekal sebagai **Jelapang Makanan Negara** lebih-lebih lagi dalam menghadapi kesan pandemik COVID-19 ini yang menuntut kita bekerja diluar kebiasaan dan memerlukan tindakan luar biasa.



KEBAJIKAN DAN KEHARMONIAN Teras Kesejahteraan Rakyat

Konsep **Keluarga Malaysia** telah berakar lama di Negeri ini. Kelantan di bawah pentadbiran Membangun Bersama Islam telah membuktikan bahawa tiada sebarang diskriminasikan kepada kaum bukan Islam. Rakyat Kelantan hidup penuh harmoni dan sejahtera ibarat serumpun bak serai, sesusun bak sirih.



KEBAJIKAN DAN KEHARMONIAN

Teras Kesejahteraan Rakyat

Kerajaan Negeri telah mewujudkan **Pusat Integrasi Antara Kaum (PEKA)** dan melantik Penghulu Tanpa Mukim (Antara Kaum) dan Ahli Majlis (Antara Kaum).



PEKA



KEBAJIKAN DAN KEHARMONIAN

Teras Kesejahteraan Rakyat

Pandemik COVID-19 melanda,
Kerajaan telah memperuntukkan

RM61.6
Juta
2020

RM61.2
Juta
2021

untuk 10 dan 11 Pakej Rangsangan dan Bantuan Khas COVID-19.
Ini adalah antara sumbangan-sumbangan yang telah diberikan
selain daripada peruntukan sedia ada kepada rakyat



KEBAJIKAN DAN KEHARMONIAN

Teras Kesejahteraan Rakyat

Komitmen semua pihak termasuk wakil rakyat, penjawat, awam, pihak berkuasa tempatan, para penghulu, termasuk badan bukan Kerajaan (NGO), syarikat korporat yang berkerjasama menyalurkan bantuan dan membuat kebajikan





وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُونَ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

"Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebaikan dan takwa,
dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran.
Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat
siksa-Nya."

(al-Maidah:2)





Kita bersyukur bahawa penularan wabak COVID-19 semakin terkawal dan menunjukkan perubahan yang positif. Pelan Pemulihan Negara dan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan telah menunjukkan kesan dan kejayaan yang membolehkan rakyat kembali semula berkerja, anak-anak dapat kembali ke sekolah dan aktiviti perkhidmatan kerajaan dibuka secara berperingkat.



Langkah proaktif diambil dalam pelaksanaan dasar dan program khususnya dalam **3 perkara keutamaan:**



- i) Memperkuuh institusi sosial masyarakat
- ii) Agenda pemulihan dan kesejahteraan ekonomi
- iii) Dasar berkebajikan rakyat dengan memperkasa program kebajikan sedia ada, memastikan semua rakyat mendapat akses pendidikan demi pelaburan modal insan pada masa hadapan.





Pandemik COVID-19 turut memberi kesan besar kepada anak muda belia kita samada dari sudut ekonomi mahupun sosial. Oleh itu, anak muda dan belia kita perlu diberi bimbingan dengan pelbagai pendekatan dan program khususnya pengukuhan ilmu dan jatidiri.





Penghargaan kepada seluruh penjawat awam di negeri Kelantan atas kejayaan cemerlang dalam pentadbiran dan pengurusan. Semua pihak telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan pentadbiran Kerajaan Negeri berjalan dengan baik





Penghargaan khas saya kepada para petugas barisan hadapan khususnya Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan dan lain-lain jabatan dan agensi yang telah berkorban bagi membendung penularan wabak COVID-19.





Sama-samalah kita duduk sama rendah, berdiri sama tinggi bagi menjaga keamanan, kestabilan dan kemakmuran negeri kita ini dengan menjaga keutuhan dan kesatuan kita demi kesejahteraan rakyat.

Bulat air kerana pembentung bulat manusia kerana muafakat

